

MODUL BAHASA MELAYU

Soalan 1 hingga Soalan 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Fatin Nabila begitu _____ mematahkan hujah-hujah lawan dalam pertandingan bahas semalam.
A petah
B betah
C mahir
D bernas

- 2 Nawi _____ tidak faham ketika Aminah menegur tindakannya membocorkan rahsia mereka.
A kira-kira
B akan-akan
C buat-buat
D agak-agak

- 3 _____ seorang pahlawan, Panglima Hashim terus menentang tali barut penjajah itu.
A Daripada
B Bagi
C Demi
D Laksana

- 4 Ular sawa yang diburu semalam didapati _____ kekenyangan di dalam reban ayam.
A melingkar
B melendut
C melintang
D melengkung

- 5 Setelah _____ selesai bersiram nanti, sediakan santapan untuk Sultan,” arah Bendahara kepada tukang masak itu.
A beta
B patik
C baginda
D tuanku

- 6 Kakak _____ telinga adik kerana adik tidak mengendahkan larangannya supaya tidak bermain hujan.
A memegang
B memiat
C mengetil
D mencubit

- 7 Perut saya terasa _____ setelah makan buah mangga yang masam itu.
 A loya
 B ngeri
 C perit
 D muak

Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

- 8 Keluarga Cikgu Halim balik kampung setiap tahun untuk berlebaran dengan keluarga mentuanya. Tiada kesalahan
 A B
 C D
- 9 Jabatan Kebajikan Masyarakat meminta ketua masyarakat di daerah itu menghantar senarai nama-nama penduduk yang amat memerlukan bantuan. Tiada kesalahan
 A B C D
- 10 Peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara menyatakan bahawa mereka telah memperolehi pengetahuan dan pengalaman. Tiada kesalahan.
 A B
 C D
- 11 Penyembahan tarian Kuda Kepang itu mendapat tepukan gemuruh daripada para penonton yang rata-ratanya ialah pelancong asing. Tiada kesalahan
 A B
 C D
- 12 Kawasan perkuburan lama itu terpaksa dilewatinya kerana kawasan itulah satu-satunya jalan pintas kepada rumahnya. Tiada kesalahan.
 A B C D
- 13 Pasukan polis simpanan khas telah dikejar ke tempat berlakunya demonstrasi itu untuk mengelakkan rusuhan kaum tercetus. Tiada kesalahan
 A B
 C D
- 14 Panggilan Mak Som tidak disahut kerana Kamil telah lari meninggalkan rumah selepas berlaku pertengkar dengan ibunya petang semalam. Tiada kesalahan.
 A B
 C D

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15 I “Jangan tutup botol kicap itu terlalu *ketat*,” pesan ibu kepada kakak.
II Matanya terasa *ketat* setiap kali dia bangun daripada tidur.
III Kawalan *ketat* akan dikenakan terhadap penjenayah terbabit.
IV Puan Lim memegang tangan suaminya dengan *ketat* ketika menyeberangi jalan raya.
- A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16 I Mata gerudi itu menjadi *kembung* kerana terkena permukaan lantai besi.
II Resipi ikan *kembung* berempah mendapat sambutan di gerai makan itu.
III *Kembung* yang diisi di dalam bekas itu sudah penuh muatannya.
IV Bayi itu menangis kerana perutnya *kembung* masuk angin.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17 I *Puri* yang dibina sejak zaman penjajahan British itu masih wujud hingga sekarang.
II *Puri* anggur itu sangat sedap dan selamat untuk diminum.
III Jenama pakaian buatan tempatan itu *puri* dan berkualiti tinggi.
IV Tentera Jepun membina *puri* bertujuan menentang dan melindungi diri daripada serangan British.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang **bergaris mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu **salah** dan perlu diubah, anda **hendaklah menandakan A, B atau C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan tandakan D**.

- 18 Kad pengenalan yang saya jumpai itu saya akan menyerahkan ke polis.
A akan saya menyerahi polis
B akan saya serahkan kepada polis
C saya akan serahkan kepada polis
D saya akan menyerahkan ke polis
- 19 Beberapa orang pelajar-pelajar sedang bermain di luar kawasan sekolah itu.
A Beberapa pelajar-pelajar
B Berapa pelajar
C Beberapa orang pelajar
D Beberapa orang pelajar-pelajar
- 20 Keberkesanan sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya.
A daripada hasil yang diperolehi sesudahnya
B dari hasil yang diperolehi sesudahnya
C dari hasil yang diperolehi sesudahnya
D daripada hasil yang diperolehi sesudahnya
- 21 Mereka tercengang-cengang bila seorang anggota polis menghampiri mereka dan meminta kad pengenalan mereka.
A Mereka tercengang-cengang bila
B Mereka tercengang bila seorang
C Mereka tercengang-cengang apabila seorang
D Mereka tercengang-cengang bila seorang

Soalan 22 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

- 22 **Keadaan langit yang tidak berawan menyebabkan cuaca bertambah panas terutamanya pada musim kemarau.**
- A Cuaca yang semakin panas berpunca daripada keadaan langit yang tidak berawan pada musim kemarau..
B Keadaan langit yang tidak berawan memburukkan lagi keadaan cuaca dan suhu semakin panas.
C Cuaca bertambah panas terutamanya pada musim kemarau kerana keadaan langit tidak berawan.

- D Cuaca pada musim kemarau bertambah panas kerana langit tidak mempunyai awan.
- 23 **Pembuangan sisa toksik oleh kilang ke dalam sungai menyebabkan ikan dalam sungai tersebut musnah.**
- A Kilang-kilang toksik menyebabkan ikan di dalam sungai mati kerana pencemaran yang berlaku.
 - B Ikan di dalam sungai mati tercemar kerana sisa toksik yang dibuang dari kilang – kilang menyebabkan pencemaran.
 - C Pencemaran sungai berlaku menyebabkan ikan mati akibat perbuatan kilang-kilang toksik.
 - D Kilang yang membuang sisa toksik ke dalam sungai menyebabkan ikan di sungai tersebut mati.
- 24 **Pembangunan yang berterusan di kawasan luar bandar akan dapat meningkatkan taraf kehidupan penduduk di kawasan berkenaan secara beransur-ansur.**
- A Secara berdekatan pembangunan yang tertumpu di kawasan luar bandar mampu memajukan kawasan berkenaan secara berterusan.
 - B Taraf hidup rakyat di kawasan luar bandar akan dapat dipertingkatkan sedikit demi sedikit dengan adanya pembangunan yang berkekalan.
 - C Tanpa pembangunan yang berterusan, penduduk di kawasan luar bandar tidak dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik daripada keadaan yang ada.
 - D Taraf hidup rakyat akan dapat dipertingkatkan melalui pembangunan yang dijalankan di kawasan luar bandar.

Soalan 25 hingga Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.

- 25
- I Nasi Beriani inilah makanan yang tersangat lazat yang pernah saya makan.
 - II Para guru percaya pelajar yang rajin berusaha akan berjaya.
 - III Ibu menggorengkan adik tiga ketul kepak ayam.
 - IV Pegawai kanan itu telah ditangkap kerana menyelewengkan wang syarikat.
- A I dan II sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
- 26
- I Banyak keuntungan yang negara kita peroleh daripada industri pelancongan.
 - II Salim menikus sahaja apabila bersemuka dengan pengetua.
 - III Kakak meluat amat apabila terpanchang jejak kakak itu mengenyitkan mata kepadanya
 - IV Bendera- bendera negara yang mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel berkibaran di sepanjang jalan.

- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, III, dan IV sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
- 27
- I Sarapan itu sedang disediakan oleh pembantu rumah di dapur.
 - II Dia tidak mempeduli akan nasihat ayahnya tempohari.
 - III Budin merungut kerana tidak dinaikkan pangkat sebagai penyelia.
 - IV Wah, cantiknya pemandangan di tepi pantai itu pada waktu senja!
- A I,II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I,II dan IV
 - D I,III dan IV

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa di bawah ini.

- 28 Peribahasa yang berikut menggambarkan sikap manusia yang amat boros atau suka berbelanja besar-besaran melampaui kemampuan kewangan **kecuai**
- A besar kerak daripada bumi
 - B besar sendal daripada gelegar
 - C besar pasak daripada tiang
 - D besar umpan besar ikannya
- 29 Walaupun En. Abdullah seorang usahawan yang berjaya, namun dia tidak pernah meninggikan diri. Sikap yang ditunjukkan oleh Encik Abdullah ini ibarat...
- A ke tengah boleh, ke tepi pun boleh
 - B kecil-kecil anak, sudah besar jadi onak
 - C baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang
 - D berani kerana benar, takut kerana salah
- Belum duduk sudah berlunjur
- 30 Maksud yang paling sesuai dengan peribahasa di atas ialah.....
- A melakukan sesuatu kerja dengan baik
 - B melakukan sesuatu kerja apabila disuruh
 - C melakukan sesuatu perkara dengan berhati-hati
 - D melakukan sesuatu pekerjaan yang sebenarnya yang belum sampai masanya.

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Ramli melihat susuk tubuh ibunya penuh penderitaan, akan tetapi wajahnya amat manis, dengan senyuman terukir di bibirnya. Betapa ibunya berusaha benar menyembunyikan penderitaan itu di sebalik senyumannya. Dia tahu bahawa ibunya bertanggungjawab terhadap dirinya dan adik-adiknya juga.

Dia meletakkan kasutnya dengan baik di atas tempat letak kasut yang diperbuat daripada tong. Tempat itu dibuat oleh ibunya sendiri. Kasut adik-adik dan ibunya teratur rapi. Ternyata ibunya amat mementingkan kebersihan dan kesempurnaan.

Bajunya ke sekolah, meskipun bertampung akan tetapi sentiasa bersih. Ibunya tidak sanggup melihat dia memakai pakaian yang kotor ke sekolah.

Begitu juga setiap peralatan di rumahnya tersusun rapi. Halaman rumahnya bersih. *Rumput tidak berpeluang menghulurkan pucuknya.* Ibunya seing meminta dia menolong membersihkan rumput-rumput itu. Bersama adiknya dia tolong membersihkannya.

Kebiasaannya itulah membendung diri dan adik-adiknya menjaga kebersihan pakaian dan rumahtangganya.

“Emak! Esok Hari Guru di sekolah Ramli. Ramli ingin hadiahkan sesuatu kepada Cikgu Fatimah, mak. Dia baik kat Ramli.” Harapan itu disampaikan kepada ibunya ketika dia sedang makan bersama ibu dan adik-adiknya.

Ibunya mengangguk-angguk. Akan tetapi tergambar kemuraman di wajahnya. Nasi yang disuapnya dikunyah perlahan-lahan. Dia tahu ibunya sedang memikirkan harapannya itu.

(Dipetik daripada *Antologi Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1)

- 31 Apakah hasrat yang dinyatakan oleh Ramli kepada ibunya?
- A Menemui guru kesayangannya
 - B Menyambut perayaan hari guru
 - C Meringankan beban keluarganya
 - D Memberikan hadiah kepada gurunya
- 32 Mengapakah wajah ibu Ramli berubah setelah mendengar kata-kata Ramli?
- A Perasaannya telah tersinggung
 - B Dia terharu mendengar kata-kata Ramli
 - C Kata-kata Ramli telah melukakan hatinya
 - D Dia tiada wang bagi memenuhi hasrat Ramli
- 33 Ramli menyatakan hasratnya kepada ibunya?
- A Semasa makan malam
 - B Ketika bersarapan pagi
 - C Sewaktu minum petang
 - D Ketika makan tengah hari

- 34 Ayat rumput tidak berpeluang menghulurkan pucuknya adalah contoh bagi
A simile
B anaphora
C metafora
D personafikasi
- 35 Nilai yang berikut terdapat dalam cerpen “Hadiah Hari Guru”, **kecuali**
A prihatin
B kasih sayang
C membangga diri
D mengenang jasa

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR MENYAMBUT PELAJARAN

Anakku sayang salahmu nyata,
Dalam pelajaran bertutur kata,
Duduk menulis kalam di lata,
Kembali kepada sekalian pendeta.

Kerana pelajaran beratur pangkatnya,
Jangan dicampur yang bukan masanya,
Kerja demikian besar salahnya,
Faham tak lekat dalam keduanya.

Pendengaran pasti menjadi haru,
Yang ditulis pun tentu keliru,
Laksana menumbuk beralas nyiru,
Berasnya luluh antah menderu.

Ilmu lisan tatkala disyarahkan,
Sekalian anggota wajib satukan,
Ke hati semuanya kamu kumpulkan,
Barulah pendengaran dapat difahamkan.

Semasa mendengar orang berkata,
Tangan menulis pula serta,
Telinga diasingkan daripada mata,
Mustahillah faham terangnya nyata.

(Dipetik daripada *Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa*,
Tingkatan 1, DBP)

36. Rangkap kedua syair Menyambut Pelajaran bermaksud
- A. pelajaran mempunyai pelbagai peringkat dan tidak boleh dicampuradukkan.
 - B. semasa belajar hendaklah duduk secara beratur supaya pengajaran guru mudah difahami.
 - C. seseorang yang mempunyai banyak ilmudan pelajaran sudah tentu akan mudah naik pangkat.
 - D. masa yang sesuai untuk belajar adalah semasa masih muda kerana mudah mengingat segala ilmu yang diajar oleh guru.

37.

Laksana menumbuk beralas nyiru

Frasa di atas merupakan gaya bahasa

- A. simile
 - B. metafora
 - C. peribahasa
 - D. personifikasi
38. Pelajaran yang diberi oleh guru akan mudah difahami sekiranya perkara-perkara yang berikut diikuti, **kecuali**
- A. mencatat segala isi yang disampaikan
 - B. mendengar apa-apa yang diajar dengan teliti
 - C. tidak berbual-bual semasa guru sedang mengajar
 - D. berbincang dengan rakan semasa pelajaran disampaikan
39. Mesej yang terdapat dalam Syair Menyambut Pelajaran ialah
- A. murid mesti tekun belajar
 - B. belajar pada saat-saat akhir
 - C. mengulang kaji pelajaran pada setiap masa
 - D. rajin belajar untuk menghadapi peperiksaan
40. Apakah tema Syair Menyambut Pelajaran?
- A. Ilmu pedoman hidup
 - B. Adab menuntut ilmu
 - C. Adab menghormati guru
 - D. Tatacara lulus cemerlang